

HADIAH

PENEMBUSAN ION KLORIDA KE  
DALAM KONKRIT BERTULANG  
PADA PERSEKITARAN MARIN

oleh

HASLINDA BTE MOHD HASHIM

KUE 400

PUSAT PENGAJIAN SAINS KIMIA  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

April 1992

<b>KANDUNGAN</b>	m/s
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Senarai rajah	iv
Senarai jadual	v
Senarai graf	vi
<b>BAB 1. Pengenalan</b>	1
1.1 Kakisan keluli penyokong konkrit	3
1.2 Tindakbalas elektrokimia dan kakisan	4
1.3 Kepasifan	5
1.4 Mekanisme kakisan keluli pengukuh	9
1.4.1 Teori lapisan oksida	9
1.4.2 Teori penjerapam	10
1.4.3 Teori pembentukan kompleks	11
1.5 Fesan gas-gas teriarut	11
1.5.1 Karbon dioksida	11
1.5.2 Oksigen	12
1.6 Limit ion klorida dalam konkrit pengukuh	13
1.7 Kakisan Liang	14
<b>BAB 2 KAEDAH PENYEDIAAN SPESIMEN KONKRIT DAN TEKNIK ANALISIS ION KLORIDA</b>	15
2.1 Campuran konkrit	15
2.2 Komposisi keluli	16

	m/s
2.3 Penyediaan spesimen konkrit	16
2.4 Tempoh rawatan	17
2.5 Tandaan spesimen	17
2.6 Zon-zon pendedahan	18
2.7 Teknik-teknik analisis ion klorida di dalam makmat	23
2.7.1 Kaedah potensiometrik	23
2.7.1.i Ujian ke atas sensitiviti alat potensiometri	26
2.7.1.ii Had-had ke atas kaedah penitratan potensiometrik	27
2.7.2 Kaedah Volhard	27
2.7.3 Kaedah ion kromatograf	31
<b>BAB 3 KAEDAH DAN TATACARA</b>	<b>33</b>
3.0 Penyediaan sampel dari spesimen konkrit	33
3.1 Kaedah potensiometrik	33
3.1.1 Peralatan	33
3.1.2 Bahan kimia	34
3.1.3 Penyediaan Larutan	34
3.1.4 Tatacara	36
3.2 Kaedah Volhard	37
3.2.1 Peralatan	37
3.2.2 Bahan kimia	37
3.2.3 Penyediaan Larutan	38
3.2.4 Tatacara	39

3.3 Kaedah Ion Kromatograf	39
3.3.1 Peralatan	39
3.3.2 Bahan kimia	39
3.3.3 Penyediaan Larutan	41
3.4 Cara Pengiraan	42
<b>BAB 4) KEPETUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>45</b>
4.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi kakisan	45
4.1.1 Zon Pendedahan	45
4.1.2 Ketebalan konkrit	49
4.1.3 Jenis konkrit	49
4.1.4 Tempoh Pendedahan	53
4.2 Penilaian kaedah yang sesuai	53
4.2.1 Kaedah pentitratan potensiometrik	53
4.2.2 Kaedah Volhard	55
4.2.3 Kaedah kromatografi ion	55
4.3 Kesan ion klorida terhadap kakisan keluli	56
4.4 Langkah-langkah mengatasi kakisan ke atas keluli	59
4.5 Hasil Kajian	60
4.6 Kesimpulan	63
Cadangan penyelidikan akan datang	
Rujukan	
Lampiran A	
Lampiran B	
Lampiran C	

## PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terimakasih yang tak terhingga kepada Dr. Mohd Jain Nordin B. Kassim selaku penyelia bagi projek penyelidikan ini. Nasihat, tunjuk ajar serta kerjasama yang diberikan amat saya hargai.

Ucapan terimakasih juga untuk Prof. Jamjan Rajikan selaku Dekan, Pusat Pengajian Sains Kimia di atas pembiayaan serta kemudahan makmal yang disediakan.

Tidak lupa juga ucapan terimakasih untuk En. Mohd Zokhie dan En. Sabtu yang turut terlibat dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Semoga kerjasama yang telah diberikan itu akan membawa kejayaan kepada saya, Insyah-Allah.

Yang Benar,

Haslinda bt. Mohd Hashim

## Abstrak

Kajian tentang penyebab kakisan dijalankan ke atas konkrit bertulang yang dibina dari 2 jenis simen iaitu simen Portland biasa (OPC) dan simen Portland rintangan sulfat (SRPC). Spesimen-spesimen konkrit didedahkan di persekitaran marin di pantai Batu Uban Gelugor. Hasil daripada ujikaji didapati bahawa faktor-faktor seperti jenis simen, ketebalan konkrit, zon pendedahan dan tempoh pendedahan adalah sangat mempengaruhi kakisan keluli. Keluli terkakis lebih serius pada zon pasang surut, diikuti oleh zon percikan ombak dan seterusnya zon terendam dan zon atmosfera. Dalam makmal analisis penembusan ion klorida ke dalam konkrit dijalankan dengan menggunakan 3 kaedah iaitu kaedah potensiometri, kaedah Volhard dan kaedah kromatografi ion. Kaedah kromatografi ion merupakan kaedah yang paling mudah, cepat dan memberikan keputusan yang agak tepat. Kakisan liang adalah jenis kakisan yang utama terhadap keluli pengukuh. Tanya berpunca dari serangan ion-ion klorida yang meghasilkan liang-liang halus pada permukaan keluli. Keluli pengukuh mula mengalami kakisan apabila kepekatan ion klorida mencapai nilai ambang iaitu 0.06 % per jisim konkrit bagi klorida larut-air dan 0.30 % per jisim konkrit bagi klorida larut-asid.

## **Abstract**

The causes of corrosion on reinforcing steel embedded in concrete made with ordinary Portland cement (OPC) and sulfate resistance Portland cement (SRPC) were studied. Steel samples were placed in marine atmospheres at Pantai Batu Uban Gelugor. The corrosion of reinforcing steel seems to be influenced by the type of cement, thickness cover, zone of exposure and duration of exposure. The reinforcing steels were seriously corroded in tidal zone, followed by splash zone, immersed and atmospheric zone. Penetration rates of chloride into concrete were analysed by 3 methods. They were potentiometric titration method, Volhard titration method and ion chromatograph method. Ion chromatograph was the best method which was easy to operate and showed an exact results. Pitting corrosion was the main type of corrosion occurring in steel. It happened due to the attack of chloride ion on the surface of steel, subsequently creating small holes on the attacked steel. After finishing this investigation it was found that the threshold chloride concentration that was necessary to initiate corrosion was 0.30 % acid-soluble chloride ions by mass of concrete or 0.06 % water-soluble chloride ions by mass of concrete.

## SENARAI RAJAH

1.2 Ilustrasi teori pemendakaran dan pembentukan lapisan pasif	9
2.1 Pembahagian panjang spesimen kepada zon-zon kajian	20
2.2 Struktur 3 dimensi bahagian depan dan belakang spesimen konkrit	21
2.3 Struktur 3 dimensi kayu penyokong spesimen konkrit ujian pasang surut air laut	22
2.4 Radas yang digunakan dalam kaedah pentitratan potensiometrik	26
2.5 Radas bagi kaedah Volhard	30
2.6 Radas bagi analisis kaedah Kromatografi Ion	32
3.1 Susunan radas HIC-6A (Peralatan Krom. Ion)	40
3.2 Analisis piawai anion organik	44
4.1 Suatu ilustrasi menunjukkan lapisan oksida pelindung cuba dipecahkan oleh ion klorida	57
4.2 Suatu ilustrasi menunjukkan ion-ion klorida telah berjaya memecahkan lapisan pasif	58
4.3 Spesimen konkrit yang mengalami pengkaratan	61

**SENARAI JADUAL**

	m/s
2.1 Perincian Campuran	15
2.2 Komposisi kimia keluli pengukuh konkrit	16
4.1 Kesan zon-zon pendedahan terhadap penembusan ion klorida ke dalam konkrit	46
4.2 Kesan ketebalan konkrit terhadap penembusan ion pada zon ombak dengan ketebalan 30 mm dan 50 mm	46
4.3 Kepekatan ion klorida bagi setiap zon pada selang masa 3, 6, 12 dan 24 bulan (kaedah kromatografi ion)	48
4.4 Data-data hasil dari pentitratan potensiometrik dan Volhard bagi sampel-sampel karat dan tidak karat	51
4.5 Data-data hasil dari analisis kromatografi ion bagi sampel-sampel karat dan tak karat	62

**SENARAI GRAP**

m / s

1.1 Ciri kakisan bagi sesuatu logam	6
2.1 Garis lengkung pentitratan potensiometrik	25
3.1 Pempiawaian larutan 0.1 M AgNO <sub>3</sub> dengan 0.1 M NaCl	36
4.1 Kepekatan ion klorida pada setiap zon selepas selepas 12 bulan (konkrit OPC)	50
4.2 Kesan ketebalan konkrit terhadap penembusan ion klorida pada zon ombak selepas 12 bulan	51
4.3 Kepekatan ion klorida bagi konkrit OPC dan SRPC selepas 24 bulan	52
4.4 Kepekatan ion klorida pada setiap zon pendekahan selepas 24 bulan	54

## **Objektif-objektif kajian**

1. Mengkaji kadar penembusan ion klorida dalam konkrit bagi mengetahui tahap kakisan atau keadaan keluli tersebut yang terdedah pada persekitaran maritim.
2. Menentukan kepekatan ion klorida yang boleh menyebabkan kakisan.
3. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penembusan ion klorida ke dalam konkrit.
4. Mengkaji kaedah yang sesuai digunakan bagi menentukan ion klorida yang telah membaur ke dalam konkrit bertulang.



## BAB 1. PENGENALAN.

Kakisian keluli pengukuh di dalam konkrit merupakan masalah yang begitu serius di persekitaran maritim. Air laut yang berkilofide mempercepatkan proses kakisian bertambah. Masalah ini begitu merombak terutamanya bagi mereka yang bertibet secara sanggung dalam urusan pembinaan jambatan, jeti, pelabuhan, bangunan-bangunan di kawasan pantai dan pelantar dari gali minyak di luar pantai. Akibatnya sudah pasti memerlukan kos pembinaan dan pembayaan yang tinggi. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, England, Jepun dan Korea telah bermenyedari akan bahikat ini dan telah membabit penyelidikan terlebih dahulu. Di Malaysia kajian terhadap kakisian ini merupakan bidang yang agak barat kerana tidak ramai penyelidik yang berminat. Keadaan ini tidak adalah disebabkan kos pembiasaan yang tinggi dipertukarkan bagi menyediakan sepele-sepele dan memerlukan masa yang agak lama untuk mengumpulkan hasil serta mendapatkan keputusan. Namun kebelakangan ini kajian tentang kakisian ini menjadi penting memandangkan beriyaknya projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan mahupun pihak swasta, yang mana melibatkan pembinaan konkrit bersstrukturn di persekitaran maritim.

Pada umumnya konkrit berbilang merupakan struktur yang tahan lasak kerana ia tidak mudah rosak, dijangkakan

hanya memerlukan penyelenggaraan yang minimum untuk sesuatu struktur binaan itu selesai dibina. Walau bagaimanapun terdapat banyak struktur binaan konkrit yang mengalami kerrosakan. Umumnya kerrosakan terjadi adalah disebabkan kakisan yang berlaku pada keluli pengukuh konkrit tersebut. Apabila keluli pengukuh terkakis i.e.ipadu hasil kakisan adalah  $\approx 4 \times$  ganda daripada isipadu keluli yang tidak berkakat. Keadaan ini menyebabkan adanya tekanan dari arah datar konkrit yang boleh mengakibatkan berlakunya keretakan pada konkrit. Setelah keretakan terjadi maka proses seterusnya akan berlaku semakin cepat dan akhirnya lapisan konkrit itu merekah dan menyerpih menyebabkan berkurangnya kekuatan struktur konkrit tersebut.

Penyebab utama kakisan pada konkrit bertulang di persekitaran marin ialah ion klorida. Ini adalah kerana ion klorida yang agresif itu mampu merosakkan lapisan pasif atau oksida besi ( $\delta\text{-Fe}^{+3}$ ) yang melindungi keluli pengukuh tersebut daripada terkakis. Daripada kajian yang telah dilakukan oleh Stratford dan Spellman CZJ didepati bahawa apabila jumlah klorida di dalam konkrit mencapai 0,025% per jisim konkrit maka keluli tersebut di dapati berkakat. Bernam CZJ pulak melaporkan bahawa kepekatan klorida ambang yang menyebabkan kakat ialah 0,02 M atau 200 ppm.

## 1.1 Kakisan Keluli Penyokong Konkrit

Kebanyakkannya konkrit dari simen Portland (PC) mempunyai pH > 12.0 bergantung kepada jenis-jenis simen. Dengan nilai pH yang tinggi keluli adalah terlindung daripada berkarsat. Ini adalah disebabkan terbentuknya lapisan oksida yang mampu bertahan pada persekitaran mengakibatkan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi ketahanan keluli iaitu; jenis simen, jenis aggregat, nisbah simen, ketebalan konkrit yang melindungi keluli, permukaan keluli dan kehadiran ion-ion agresif seperti  $\text{Cl}^-$ ,  $\text{Br}^-$  dan  $\text{I}^-$ . Kehadiran kedua-dua senyawa gas-gas tertarik dan ion-ion agresif selalu meningkatkan nilai pH di antara 9 - 10 dimana kakisan mulai terjadi.

Stratton melapor kan bahawa pertambahan kadar kakisan bersepadan dengan pertambahan nilai potensial kakisan jika nilai potensial kakisan lebih positif daripada + 0.22 V relatif terhadap elektrod kalomel (SCE) didapatkan bahawa keluli berada di dalam keadaan pasif. Bila nilai potensial lebih negatif dari + 0.22 V (SCE), kakisan aktif akan berlaku. Sementara di antara + 0.22 dan + 0.27 V keadaan mungkin aktif atau pasif. Secara amnya nilai negatif potensial yang menyebabkan kakisan keluli di dalam konkrit adalah + 0.51 V (SCE).<sup>16</sup>

## 1.2 Tindakbalas Elektrokimia Dan Kakisan.


Kakisan keluli dalam konkrit bertaku secara tindakbalas elektrokimia. Kakisan merupakan suatu proses pemusnahan bahan yang disebabkan oleh tindakbalas di antara bahan dengan ketembapan di persekitarannya. Sekiranya suatu logam besi berada dalam medium mengakik, proses pengoksidan dan perburuan akan bertaku seentak di permukaan logam besi tersebut.

Tindakbalas yang terlibat :


Tindakbalas anodik,



Tindakbalas katodik,



Ion Logam dan ion hidroksit boleh bertindak bersama untuk membentuk logam hidroksida iaitu :




$\text{Fe(OH)}_2$  berwarna perang keperangan dan  $\text{Fe}_3\text{O}_4$  yang

berwarna hitam merupakan hasil-hasil kakisan.

### **1.3 Kepasifan.**

Kepasifan dapat di bahskikan sebagai kerjilangan aktiviti kimia yang dialami oleh logam atau aloi di bawah keadaan persekitaran yang tertentu. Kepasifan berhadap logam dan aloi agak sukar untuk di jelaskan dengan tepat kerana babitnya kompleks dan keadaan spesifik di mana ia berlaku. Sesetengah logam dan aloi akan menjadi lengai setelah di dedahkan kepada persekitaran tertentu. Kelepasian logam ini adalah disebabkan terbentuknya suatu lapisan oksidida di permukaan logam itu. Lapisan ini bertindak sebagai pelindung iaitu menghalang dari berlakunya kakisian. Lapisan oksidida ini dapat dikekalkan sekiranya ia stabil dari segi kimia serta fizikalnya dan tidak digangu oleh ion-ion agresif seperti  $\text{Cl}^-$ ,  $\text{H}^+$  dan  $\text{I}^-$ . Lapisan oksidida ini biasanya dibentukkan pada bahagian anodik.

Beri menjadi pasif apabila di rendamkan dalam asid nitrik pekat kerana suatu lapisan verikoksidida yang nipis terbentuk. Bagi menjelaskan kepasifan sesuatu logam, perlu melihat kepada Rajah 1.1. Kelakuan logam atau aloi ini boleh dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu aktif, pasif dan transpasif.



Rajah 1.1 : Ciri kakisan bagi suatu logam

Pada kawasan aktif, ketakuan logam ini sama dengan ketakuan logam normal. Dengan menaikkan sedikit kuasa pengoksidean, akan menyebabkan kenaikan mendadak dalam kadar kakisan. Sekiranya lebih banyak agen pengoksidean yang ditambah, pemurunan kadar kakisan berlaku dengan cepat kerana terbentuknya kawasan pasif. Pertambahan agen pengoksidean seterusnya akan menyebabkan kadar kakisan bertambah sedikit. Pada kepekatan agen pengoksidean lebih tinggi, kadar kakisan bertambah semula dengan pertambahan kuasa pengoksidean lanjut. Kawasan ini dikenali sebagai kawasan transpasif.

Bockris memperoleh bedasarkan kepujian dan dijelaskan dengan 2 teori iaitu teori kepasiifan-penjerapan dan teori pemendapan dan pembentukan lapisan pasif. U3

#### 1.3.1 Teori Kepasiifan-penjerapan

Teori ini menyatakan bahawa kehadiran ion hidroksil atau partikel lain yang mengandungi oksigen, boleh meningkatkan pemotongan logam dan terjerap di atas permukaan logam dengan pertambahan ke arah nilai positif potensial.

#### 1.3.2 Teori pemendapan dan pembentukan lapisan pasif

Pengitaran atau rontgen logam elektron hidroksil dan oksigen mengalihbentuk pemelantaran logam. Meningkatnya kepekatan natrium berlatar undakkan dengan ion hidroksil


akan menghasilkan mendakan berbentuk agar-agar yang menyaluti permukaan logam. Ianya adalah  $\text{Fe(OH)}_3$ . Pengoksidaan  $\text{Fe(OH)}_3$  akan menghasilkan  $\text{Fe(OH)}_2$ . Lapisan ini akan memberhentikan pemelarutan logam. Suatu ilustrasi ditunjukkan pada gambarajah 1.1 (a, b, c).

#### 1.4 Mekanisme Kakisan Keluli Pengukuh.


Kesan ion klorida terhadap kakisan keluli pengukuh dijelaskan oleh 3 teori iaitu teori lapisan oksida, teori penjerapan dan teori pembentukan kompleks.

##### 1.4.1 Teori Lapisan oksida


Pada zonnya kontak berperanan sebagai pelindung kepada keluli pengukuh agar ia nyalah tidak terkakus. Keadaan ini adalah disebabkan nilai pH yang mewujud 12.5 iaitu dalam jangka  $12.5 - 13.2$ , pH yang tinggi (persekitaran akali) menghalang lapisan oksida pasir  $\gamma\text{-Fe(OH)}_2$  dengan ketebalan 20-50 Å menjadi pelindung kepada keluli tersebut agar tidak terkakus. Lapisan oksida pada permukaan keluli ini menyebabkan kestabilan logam dan boleh menghalang kakisan dari berlaku. Keluli pengukuh akan tetap terlin dung sehingga pH jatuh ke satu paras iaitu  $\text{pH} < 9.9$ . Kejatuhan nilai pH ini adalah disebabkan oleh ion-ion klorida, sulfat dan dibantu oleh gas-gas terlarut seperti oksigen dan karbon dioksida yang memenuhi lingkungan



(a)



(b)




(c)

Rajah 1.1 (a), (b), (c) Ilustrasi teori pemendakkan & pembentukan lapisan pasif

halus pada konkrit. Iatu bertindakbalas dengan bahan konkrit. Bahan konkrit berkunungan dan ini akan menjatuhkan nilai pH. Teori ini menganggap bahawa ion klorida lebih berupaya menembusi lapisan oksida berbanding dengan ion-ion lain.


Mekanisme yang dicadangkan oleh K.J. Foley ialah



#### 4.4.2 Teori perjerap

Bukti dari eksperimen menunjukkan bahawa kehadiran ion klorida dan anion lain seperti ion hidroksai dan oksigen edatik mempengaruhi proses perjerap. Mungkin hal ini kerana klorida begitu cenderung untuk terjerap dan memenuhi lapisan pasif. Ioni klorida terpaksa bersaing dengan ion hidroksai dan oksigen untuk terjerap di atas permukaan logam dan komoditi yang mungkin kikirkan spesies pasif (ion hidroksai dan oksigen) tersebut. Oleh kerana kadar tindakbalas tinggi di sekitar logam-klorida, klorida tidak terjerap secara kekal tetapi membentuk spesies terkait yang mempersempit kakisau logam. Hal ini berlaku, menjakibatkan pemelarutan logam.

Mekanisme yang dicadangkan :



#### 1.4.3 Teori pembentukan kompleks

Menurut teori ini ion klorida bersaing dengan ion hidroksit menghasilkan kompleks terlarut ferum-klorida di kawasan air. Kompleks ini tersebar dan memusnahkan lapisan pasir dan memberarkan lapisan berlaku secara berterusan. Apabila kompleks terurai, ion klorida bebas akan melarutkan ferum. Pantas membentuk ferum-oksida (karat).

#### 1.5 Kesan gas-gas terlarut

##### 1.5.1 Karbon dioksida ( $\text{CO}_2$ )

Gas karbon dioksida wujud sebanyak 0.3% daripada kandungan udara kasar. Dalam air laut peratusan ini menjadi semakin kecil kerana sebahagiannya telah bertindakbalas dengan air membentuk karbonat ( $\text{CO}_3^{2-}$ ) dan asid karbonik ( $\text{HCO}_3^-$ ). Oleh itu resapan gas karbon dioksida dalam bentuk  $\text{CO}_3^{2-}$  dalam konkrit tidak begitu memberi kesan kepada komposisi konkrit.

Proses pengkarbonatan adalah seperti berikut :



Dengan kehadiran air, hadir kalsium bikarbonat akan mengion seperti di bawah :






Asid karbonik ( $\text{HCO}_3^-$ ) yang terbentuk akan merendahkan pH

konkrit di sekitar ketutu pengukuh. Itu menyebabkan proses kakisan dipercepatkan.

### 1.5.2 Oksigen ( $\text{O}_2$ )

Oksigen juga menempati sebanyak 22,9% dari pada kandungan udara. Kocakan ombak menyebabkan keterlarutan oksigen di udara adalah tinggi. Oksigen yang bersikutu dengan air akan mampu masuk kedalam konkrit dan bertindakbalas dengan besi seperti berikut :



$\text{Fe(OH)}_3$  adalah sejenis karat merah.

## 1.6 Limit ion klorida dalam konkrit pengukuh.

Berdasarkan kepada data-data penyelidik yang terdahulu nilai kepekatan ambang bagi ion klorida yang mampu memusnahkan lapisan pasif  $\delta$ -Fe O adalah 700 ppm [1].

[2,3]


Hasil kajian oleh Federal Highway Administration (USA), menunjukkan nilai ambang klorida yang menyebabkan kakisan kelatas konkrit adalah 0.20% bagi klorida larut-asid per jisim simen. Nilai ini sudah mencukupi untuk memulakan kakisan liang terhadap keluli dalam konkrit yang terdedah kepada serangan ion klorida. Bagi kod Nasional limit klorida berbeza secara meluas. ACI 318 memberangkan sebanyak 0.06% ion klorida maksima terkandung dalam konkrit pra-terikan, 0.15% bagi keluli pengukuh konkrit yang terdedah kepada serangan ion klorida dan 0.30% untuk semua binaan konkrit yang lain. Bagi kod British pula, CP 110 memberangkan kandungan klorida sebanyak 0.35% dalam konkrit pengukuh dan 0.10% dalam konkrit pra-terikan. Seterusnya kod Norwegian, NS 3474 memberangkan sebanyak 0.60% klorida untuk konkrit pengukuh yang dibina dari simen Portland. Tetapi hanya 0.002% ion klorida bagi konkrit pra-terikan. Sementara peralatan ASTM C114 mendangkan 0.08% dan 0.20% klorida untuk pra-terikan dan konkrit pengukuh. Jepun pula mencadangkan garis panduan macam mana untuk menghalang kakisan di kawasan marin. Struktur konkrit pengukuh menunjukkan bahawa nilai ambang

klorida dalam konkrit adalah  $0.30 \text{ kg/m}^3$  atau  $0.10\%$  klorida per jisim simen.<sup>[18]</sup>

### 1.7 Kakisan Liang

Kewujudan ion klorida dalam kuantiti tertentu boleh menyebabkan kakisan liang terjadi. Kakisan liang merupakan lubang atau liang halus yang menembusi permukaan logam akibat dari serangan ion klorida. Semasa proses ini berlaku lapisan pasif akan bertindak sebagai katod di mana oksigen akan diturunkan dan keluli sebagai anod akan terkakis. Kakisan berlaku pada suatu kawasan yang kecil iaitu di tengah-tengah anod. Suatu skematik ditunjukkan pada gambarajah 1.2 di bawah. Larutan asid  $\text{FeCl}_2$  akan

terhasil pada liang anod. Kehadiran ferus klorida,  $\text{FeCl}_2$  menurunkan kealkalian larutan. Pengurangan kealkalian menyebabkan lapisan oksida pelindung di musnahkan.



Rajah 1.2 : Suatu skematik kakisan liang

## BAB 2.0 Kaedah Penyediaan Spesimen Konkrit dan Teknik

### ANALISIS ION KLORIDA.

#### 2.1 Campuran konkrit.

Campuran konkrit adalah satu langkah yang penting untuk menghasilkan komponen konkrit tahan lasak yang boleh bertahan dalam tempoh tertentu. Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pencampuran adalah kekuatan kompresif (sasaran bermakna), jenis simen, jenis agregat dan nisbah air/simen. Jadual 2.1 dibawah menunjukkan data dan sifat campuran spesimen konkrit bagi kedua-dua jenis simen iaitu simen Portland biasa (OPC) dan simen Portland rintangan sulfat (SRPC).

Jadual 2.1 : Perincian Campuran Konkrit

Kadar	Nisbah campuran menurut jisim
Simen : Aggregat Aggregat; kasar : halus Air : Simen	1 : 5 2 : 1 0.50
Uuran aggregat Simen	maksimum $\varnothing = 20\text{mm}$ OPC dan SRPC
Kandungan Simen Purata kekuatan kompresif setelah 28 hari	$390 \text{ Kg m}^{-2}$ $33 \text{ Nm}^{-2}$ (OPC) $30 \text{ Nm}^{-2}$ (SRPC)
Kandungan klorida (% berat konkrit)	$1.70 \times 10^{-3}\%$ (OPC) $6.00 \times 10^{-3}\%$ (SRPC)

## 2.2 Komposisi Keluli

Keluli yang di gunakan sebagai pengukuh ber jejeran 9 mm. Komposisi kimianya adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2 : Komposisi kimia keluli pengukuh konkrit (% wt)

Unsur										
Fe	Mn	Cr	Mo	Re	Cr <sup>+</sup>	Si	C	S	P	
96,96	0,95	0,38	0,18	0,02	0,03	0,05	0,04	0,04	0,03	

## 2.3 Kaedah Penyediaan Spesimen Konkrit.

Spesimen konkrit pengukuh disediakan dengan mengisi kira-kira setengah ketinggian konkrit basah ke dalam acuan yang terletak di atas meja penggetar. Setelah mengukur ketebalan yang dikehendaki keluli pengukuh dibenamkan. Kemudian konkrit basah diisi lagi sehingga penuh dan digitar semula. Spesimen konkrit basah yang telah siap dituang ditanggalkan semalam dalam bilik rap dengan nilai ketembapan relatif 80% supaya pengerasan berlaku. Setelah itu barulah dibuka dan dirawat dalam kolam air paip.

## **2.4 Tempoh rawatan**

Tempoh rawatan merupakan suatu jangkamasa di mana pembentukan kristal-kristal bahan simen adalah lengkap dan sempurna. Semua spesimen konkrit dirawat dalam kolam air paip. Tempoh minima perendaman adalah selama 28 hari atau 1 bulan sudah mencukupi untuk mencapai kekuatan 30 N/mm<sup>2</sup>.

## **2.5 Tandaan spesimen**

PC 34/B/0- bermaksud simen yang digunakan adalah jenis simen Portland (Portland Cement). Spesimen ini diambil pada kali ke-3 iaitu setelah 12 bulan didekahkan pada lokasi kajian, iaitu zon ombak (B). Keluli pengukuh dilindungi oleh konkrit berjejari 40 mm(4) mengikut garis lintangnya dan 0 pula menunjukkan kedalaman di permukaan konkrit.

SR 43/C/1- bermaksud simen yang digunakan adalah dari jenis simen Portland mintangan sulfat (SRPC). Spesimen ini adalah spesimen yang ke-4 iaitu setelah 18 bulan didekahkan pada lokasi kajian, iaitu zon terendam (C). Keluli pengukuh dilindungi oleh konkrit berjejari 30 mm(3) mengikut garis lintangnya dan 1 pula menunjukkan kedalaman pada 10 mm dari permukaan konkrit.

## 2.6 Zon-zon Pendedahan

### 2.6.1 Zon atmosfera (Zon A)

dikrifkan sebagai zon di paras atas permukaan air. Perwapan air laut, hujan dan panas, suhu yang pada siang hari dan malam yang dingin adalah ciri-ciri persekitaran udara laut. Struktur binaan akan mengalami proses pengembangan dan pengecutan yang kerap. Biasanya zon ini melingungi 3-5 meter dari paras permukaan laut tenang.

### 2.6.2 Zon percikan ombak (Zon B)

dikrifkan sebagai kawasan di mana gelombang air laut pecah dan terpercik menjadi butir-butir batu. Kadar keterlarutan gas di sini adalah tinggi. Binaan konkrit yang berada pada zon ini tidaklah sentiasa terendam atau terdedah pada udara laut. Ciri basah dan kering ini sangat mempengaruhi ciri fizikalnya. Zon ini merangkumi ketinggian 3 meter dari permukaan air dan 0.5 - 1 meter dari laut tenang.

### 2.6.3 Zon perendaman (Zon C)


dikrifkan sebagai keadaan suatu binaan konkrit yang sentiasa dipengaruhi oleh air laut. Dengan kepekatan garam yang tinggi, peresapan ion-ion klorida, sulfat, karbonat dan gas-gas yang terlarut ke dalam air laut seperti karbon dioksida, oksigen, nitrogen dan lain-lain adalah ciri-ciri utama yang mempengaruhi kakisen keluli

pengukuh.

#### 2.6.4 Zon pasang-surut (Zon D)

Pasang penuh, paras statik dan surut jauh adalah kesamaan ketara yang mencirikan zon ini. Binatan konkrit pada zon ini selalunya akan mengalami keadaan kering dan basah pada selang masa yang agak lama mengikut ketiga-tiga masa yang ketara di atas.

Spesimen konkrit-bentulang ketuli ujikaji berukuran 115 cm panjang dengan ketebalan lapisan konkrit 30, 40, 50 dan 60 mm telah dibina untuk masing-masing jenis simen Portland biasa (OPC) dan simen Portland rintangan sulfat (SRPC). Gambarajah struktur spesimen konkrit dan zon-zon pendedahan ditunjukkan dalam rajah 2.1 dan 2.2.




$$t = 15, 30, 40, 50 \text{ & } 60 \text{ mm}$$

$$l = 4t - 2t$$

$$w = 2t + 9 \text{ mm}$$

Rajah 2.1 : Pembahagian panjang spesimen kepada zon-zon kajian .



Pandangan hadapan

Pandangan belakang


$$w = 2t + 9 \text{ mm}$$

$$t = 15, 30, 40, 50 \text{ & } 60$$

$$L = 4 \text{ kaki}$$

$$h = 3 \text{ kaki}$$

Rajah 2.2 : Struk tur 3 dimensi bahagian depan dan belakang spesimen konkrit.



Rajah 2.3.: Struktur 3 dimensi kayu penyokong spesimen konkret ujian kesan pasang surut air laut .

## 2.7 Teknik-Teknik Analisis Ion klorida Dalam Makmal

Spesimen-spesimen konkrit diambil dari pelantar pendedahan setelah didedahkan selama selang masa 3, 6, 12 dan 24 bulan untuk analisis penembusan ion klorida dan kakisar ke atas keluli.

Penganalisaan klorida di dalam makmal dijalankan dengan 3 kaedah, iaitu kaedah pentitratan potensiometrik, kaedah volhard dan kaedah kromatografi ion.

### 2.7.1 Kaedah Potensiometrik

Prinsip asas tentang pentitratan potensiometrik melibatkan pengukuran perbezaan potensial di antara potensial elektrod rujukan (elektrod kaca) dengan elektrod penunjuk (elektrod logam Ag). Perbezaan potensial terhasil akibat berlaku pertukaran kepekatan spesis ion (ion halida) di dalam larutan yang diselidiki dengan elektrod rujukan. Pemendakan ion argentum dengan ion klorida diwakilkan oleh persamaan di bawah :



Apabila pentitratan dilakukan, kepekatan Ag menurun di dalam larutan, tindakbalas redoks Ag / Ag akan berlaku dan potensial di sebelah argentum akan berubah mengikut persamaan Nernst :

$$E_{\text{Ag}^+} = E_{\text{Ag}^+, \text{Ag}}^\ominus - 0.0592 \log [1/\text{Ag}]$$

Dalam kaedah pentitratan potensiometrik di mana ion klorida dititrat dengan garam Ag dan dawai perak digunakan sebagai elektrod penunjuk. Potensial dawai perak ini akan bertukar dengan kepekatan ion  $\text{Ag}^+$  dalam larutan yang diuji. Pada peringkat permulaan, ion  $\text{Ag}^+$  dalam larutan dikawal oleh keterlarutan mehdakan  $\text{AgCl}$ . Setelah sampai ketitik setara, larutan yang diuji mengandungi lebih ion  $\text{Ag}^+$  dan ini akan menyebabkan pertambahan perbezaan potensial yang cepat dan tinggi.

Bagi tujuan pentitratan perbezaan potensial ( $\Delta E$ ) adalah dianggap sebagai ukuran yang penting. Oleh sebab itu elektrod kaca yang digunakan mesti sensitif, baik dan tetap semasa analisis dilaksanakan. Biasanya elektrod kaca itu boleh dijadikan lebih sensitif dengan mengaktifkan elektrod itu dengan 0.1M HCl.

Perbezaan potensial diantara elektrod rujukan dan elektrod penunjuk diukur menggunakan alat potensiometer yang mempunyai kerintangan yang tinggi. Dalam pentitratan potensiometrik, takat akhir dikesan dengan menentukan perubahan yang agak besar dalam keupayaan berlaku apabila titran ditambah. Graf 2.1 menunjukkan kelerengan suatu lengkungan pentitratan iaitu perubahan dalam keupayaan dengan perubahan isipadu ( $\Delta E/\Delta V$ ) melawan isipadu titran. Lengkungan yang dihasilkan meningkat ke suatu maksima pada takat kesetaraan. Isipadu takat kesetaraan ditentu-